



Fakulti Sains Tambahbaik Fungsi Melalui Konvensyen



Dr. Sidek (kiri), Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha (tengah) dan Prof. Dr. Jambari (dua dari kanan) sedang melihat pameran demonstrasi menuai kaca daripada Jabatan Kimia.

SERDANG, 24 Dis - Konvensyen Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia (UPM) mencari perkongsian di kalangan warga fakulti mengenai kejayaan dicapai tahun ini dan menambahbaik perkhidmatan dan fungsi sedia ada.

Fakulti tersebut akan menghasilkan lebih banyak penyelidikan bagi melonjakkan kedudukannya agar muncul sebagai salah sebuah fakulti sains terulung di negara ini.

Tekad dan keyakinan itu selaras dengan geran penyelidikan RM42 juta yang diterima fakulti itu bagi Rancangan Malaysia Kesembilan yang merupakan geran tertinggi diterima berbanding fakulti lain.

Konvensyen selama dua hari bermula pada 23 Disember lalu bertujuan mendapatkan maklum balas pendekatan holistik fakulti untuk memantapkan empat jabatannya iaitu Jabatan Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik.

Dekan Fakulti Sains, Prof. Dr. Sidek Ab. Aziz berkata semua ahli fakulti perlu memberikan komitmen dan menyumbangkan idea untuk tindakan bersama.

Katanya ahli sesebuah organisasi perlu bekerjasama mengambil bahagian dalam pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan sebagai tanggungjawab bersama.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berharap fakulti tersebut mensasarkan penarafan empat bintang bagi tahun 2009 berbanding pencapaian kini sebanyak dua bintang.

"Cabaran utama yang perlu diatasi oleh warga fakulti ialah membuatkan kesungguhan membuat penambahbaikan menerusi tambahan bintang pada tahun 2009," katanya.

Bellau berkata Fakulti Sains UPM yang sudah lebih 35 tahun ditubuhkan antara fakulti antara fakulti cemerlang di UPM dengan mempunyai 26 profesor, lebih 80 peratus pensyarah memiliki ijazah doktor falsafah serta menerima geran penyelidikan tertinggi.

Walaupun konvensyen berlangsung di peringkat dalaman tetapi ia sangat penting bagi membolehkan fakulti itu mendapat maklum balas yang sebenar.

Bellau berkata maklum balas itu akan membantu Fakulti Sains dan UPM mengatasi kekangan dan cabaran dalam usaha untuk muncul sebagai sebuah fakulti sains ulung.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia